



PETRONAS LE TOUR DE LANGKAWI HEADQUARTERS
HUMAN VOYAGE (M) SDN BHD
Unit 165-5-12,
Wisma Mutiara, Jalan Sungai Besi
57100 Kuala Lumpur
Malaysia
Email: ltdl@humanvoyage.com.my
Tel: +603 9222 0786
Fax: +603 9222 1786
Website: www.ltdllangkawi.my

LOKASI PENAMAT PERLUMBAAN DAN AKTIVITI SAMPINGAN

Adalah dimaklumkan bahawa PETRONAS Le Tour de Langkawi 2020 (PETRONAS LTdL 2020) dan dua lagi perlumbaan tambahan iaitu *Malaysian International Criterium Race* dan *Malaysian International Classic Race* akan berlangsung daripada 6 sehingga 15 Februari 2020 ini.

Untuk memeriahkan lagi sambutan ulang tahun ke-25 LTdL, pelbagai aktiviti sampingan juga akan dianjurkan di lokasi penamat seperti yang dinyatakan di bawah.

ACARA	TARIKH (2020)	LOKASI PENAMAT	ANGGARAN MASA KETIBAAN PESERTA
Kriterium Antarabangsa	6 Februari	Padang Merdeka, Kota Kinabalu, Sabah	Lebih kurang 10.40AM
LTdL Peringkat 1	7 Februari	Padang Merdeka, Kuching, Sarawak	Lebih kurang 10.50AM
LTdL Peringkat 2	8 Februari	Persiaran Guntong, Bandar Baru Kerteh, Terengganu	Lebih kurang 4PM
LTdL Peringkat 3	9 Februari	Menara Berkembar PETRONAS, Kuala Lumpur	
LTdL Peringkat 4	10 Februari	Resorts World Genting, Genting Highlands	
LTdL Peringkat 5	11 Februari	Persiaran Meru Raya 1, Bandar Meru Raya, Perak	Lebih kurang 4PM
LTdL Peringkat 6	12 Februari	Padang Kota Lama, Pulau Pinang	
LTdL Peringkat 7	13 Februari	Menara Alor Setar, Kedah	
LTdL Peringkat 8	14 Februari	Pekan Kuah, Langkawi, Kedah	Lebih kurang 5.40PM
Klasik Malaysia	15 Februari	Pekan Kuah, Langkawi, Kedah	Lebih kurang 2.50PM

ACARA SAMPINGAN

(Aktiviti-aktiviti di bawah akan dianjurkan di peringkat-peringkat perlumbaan yang terpilih, kecuali di Genting Highlands)

1. Jualan produk usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS) serta trak makanan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
(Jualan ini akan diadakan dua hari berturut-turut, iaitu sehari sebelum dan pada hari perlumbaan berlangsung)

2. Tayangan siaran langsung aksi perlumbaan di layar bermula pada 3.30 petang
3. Persembahan daripada Drama Band
4. Penampilan istimewa Boboiboy
5. Pameran agensi kerajaan
6. Pertandingan basikal dalam gelanggang (*cycle ball*)
7. Pertandingan Beyblade
8. Pertandingan Pushbike
9. Pertandingan dan pertunjukan BMX Free Style
10. Pertunjukan Tatu oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
11. Aktiviti oleh kumpulan penaja.
12. Acara sukan rakyat dan tradisional
13. Persembahan pancaragam sekolah
14. Persembahan tarian kebudayaan

Sila ambil perhatian bahawa acara sampingan di atas akan **bermula pada pukul 9 pagi sehingga tamat** setiap perlumbaan mengikut jadual yang ditetapkan. Orang ramai dijemput hadir untuk memeriahkan lagi acara yang dirancang di setiap lokasi penamat.

Para penonton dan masyarakat tempatan terutamanya di kawasan lokasi penamat disarankan untuk merancang awal jadual perjalanan mereka bagi melancarkan urusan lalu lintas dan mengelakkan terperangkap di dalam kesesakan lalulintas.

Maklumat terkini boleh didapati di laman web rasmi www.ltdlangkawi.my atau media sosial @ltdlangkawi (Facebook, Twitter dan Instagram).

-tamat-

MENGENAI LE TOUR DE LANGKAWI

Le Tour de Langkawi (LTdL) adalah kejohanan perlumbaan berbasikal di Malaysia yang dicetuskan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan sasaran untuk meletakkan Malaysia di atas peta sukan dan pelancongan dunia. Perlumbaan tersebut dianjurkan pertama kali dengan status UCI 2.6HC sebelum dinaik taraf ke status 2.0HC dan terkini, status Professional Series (ProSeries) yang meletakkannya sebagai perlumbaan paling berprestij di Asia. Bermula pada 2019, syarikat petroleum bersepdua Malaysia, PETRONAS telah menyertai LTdL sebagai Penaja Utama untuk tempoh tiga tahun. Edisi kali ini – yang dikenali sebagai PETRONAS Le Tour de Langkawi 2020 akan melibatkan perlumbaan lapan peringkat selain penambahan dua perlumbaan istimewa; *Malaysian International Criterium Race* dan *Malaysian International Classic Race*. PETRONAS LTdL 2020 akan berlangsung daripada 6 sehingga 15 Februari 2020.

Hebahan umum ini dikeluarkan oleh:
Penganjur PETRONAS Le Tour de Langkawi 2020
29 Januari 2020

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 03-92220786.